



Anwar diiringi Hajiji pada Majlis Himpunan Perdana Rakyat di Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

# Ekonomi kukuh buat Malaysia dihormati

Sokongan, perpaduan rakyat pacu pertumbuhan

Oleh Olivia Miwil, Rafiqah Dahali dan Yun Mikail  
olivia@nst.com.my

**Kota Kinabalu:** Sokongan rakyat, dasar kerajaan, hubungan ekonomi dan diplomatik yang kukuh mengundang rasa hormat negara luar kepada negara sekali gus berupaya memperkasa ekonomi.

Memberi contoh kadar ringgit yang berada di landasan terbaik dalam tempoh 14 tahun, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata bukan kerana dirinya tetapi hasil usaha bersama seluruh rakyat.

Perdana Menteri berkata dasar Kerajaan Perpaduan dan hubungan diplomatik serta ekonomi yang kukuh antara Malaysia dan negara lain membolehkan ekonomi terus berkembang.

Katanya, peluang mengukuhkan ekonomi negara itu akan diteruskan apabila beliau dijemput bertemu dengan Presiden Russia, Vladimir Putin, tidak lama lagi.

"Ia bukan kerana saya, bukan kerana Anwar tetapi kerana dasar kerajaan, kekuatan dan perpaduan kita.

"Ini adalah hasil usaha pasukan kita dalam kerajaan MADANI, hasil usaha rakyat. Inilah sebabnya kita dihormati," katanya berucap pada majlis Himpunan Perdana Rakyat anjuran PKR Sabah semalam.

Turut hadir Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor yang juga Pengerusi Gabungan Rakyat Sabah; Pengerusi Pakatan Harapan

Sabah, Datuk Christina Liew dan Pengerusi Barisan Nasional Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin.

Majlis itu turut dihadiri Presiden Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu, Datuk Ewon Benedick; Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah, Datuk Arthur Joseph Kurup dan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri PKR Sabah, Datuk Mustapha Sakmud.

Semalam, kadar satu dolar Amerika Syarikat ialah RM4.49.

Anwar berkata beliau menerima jemputan Putin itu sebagai wakil bagi Malaysia.

Anwar berkata beliau sering memasukkan Sabah apabila mengadakan perbincangan berkaitan pelaburan, pelancongan, teknologi baharu dan tenaga boleh diperbaharui ketika kunjungan ke luar negara.

## Tak kompromi kedaulatan

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata walaupun beliau mempunyai hubungan baik dengan pimpinan Filipina, Perdana Menteri menegaskan beliau tidak akan berkompromi mengenai kedudukan Sabah sebagai sebahagian daripada Malaysia.

"Hubungan peribadi saya dengan Presiden Filipina Bongbong Marcos, beliau menganggap saya sebagai seorang kawan baik.

"Oleh itu, kita perlu berbilang dengan baik. Tetapi apabila ia membabitkan kedaulatan negara dan kedudukan Sabah dalam Malaysia, kita tidak akan berkompromi sama sekali," katanya.

Pada masa sama, beliau juga menjelaskan jumlah RM16 bilion diumumkan untuk Sabah pada Pesta Kaamatan 31 Mei lalu ialah peruntukan keseluruhan untuk negeri itu bagi tahun ini, dan bukan hanya untuk pembangunan sahaja.

Beliau berkata jumlah itu adalah untuk perbelanjaan pelbagai perkara antaranya sekolah, pendidikan untuk anak-anak, menjaga sempadan bagi keselamatan rakyat dan pembangunan negeri.

Justeru, katanya dakwaan kononnya beliau menipu tentang peruntukan itu tidak benar sama sekali dan menasihatkan kepada semua pihak terutama pemimpin yang dianggapnya sebagai kawan, supaya mendapatkan maklumat yang sahih atau terus bertanya kepadanya sebelum mengeluarkan kenyataan.

"Tidak hanya RM6.6 bilion sahaja (peruntukan untuk Sabah seperti didakwa), kerana RM6.6 bilion itu hanya peruntukan pembangunan... siapa nak bayar guru, siapa nak baiki jalan dan jaga sempadan... itu semua termasuk dalam RM16 bilion. Ada yang kata letak (nombor) satu di depan jadilah RM16 bilion, jangan begitu.

"Kalau mahu jadi kawan, perangai macam kawan. Mesti ada adab sebagai kawan. Tidak perlu cakap terima kasih kepada kita, hanya hargailah sikit. Kalau tidak cukup kita runding, minta lagi secara baik sebagai kawan itu tiada masalah," katanya.

Pada 31 Mei lalu, ketika berucap menutup Pesta Kaamatan 2024 di Penampang dekat sini, Anwar memaklumkan sejak menjadi Perdana Menteri beliau sentiasa berusaha meningkatkan peruntukan untuk Sabah bagi membantu rakyatnya, iaitu daripada RM12.9 bilion pada 2022 kepada RM16 bilion tahun ini.

Anwar berkata, tahun lalu pula kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan RM13.9 bilion kepada negeri itu, sekali gus membuktikan komitmennya itu hasil kerjasama erat dengan Hajiji, kerajaan negeri dan rakan Kerajaan Perpaduan lain.